

# KAJIAN IMPAK PERLAKSANAAN PROGRAM NBOS3 AADK



UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA  
National University  
of Malaysia

Dr. Siti Marziah Zakaria (UKM), Dr. Noordeyana Tambi (UKM), Dr. Mohd Nasir Selamat (UKM), Dr. Norul Huda Sarnon (UKM), Dr. Juliana Rosmidah Jaafar (IUUKL)



## PENDAHULUAN

Strategi Lautan Biru Kebangsaan dilaksanakan untuk menyediakan program dan perkhidmatan yang berimpak tinggi, berkos rendah dan cepat dilaksanakan untuk mencapai matlamat transformasi negara.

Projek dilaksanakan untuk memulihkan pelatih melalui terapi kerja, mendedahkan pelatih kepada teknik pengurusan perniagaan berasaskan pertanian dan memberi kemahiran asas pertanian.

Kajian berfokus kepada pencapaian objektif utama pelaksanaan NBOS3 AADK iaitu pemulihan melalui terapi kerja.

NBOS3 AADK dilaksanakan untuk membantu pelatih pulih daripada ketagihan melalui pendekatan terapi kerja.

Pelatih terlibat mengusahakan tanah-tanah kerajaan untuk bercucuk tanam dan menjalankan penternakan

## OBJEKTIF

- 1 Menganalisa kesan NBOS3 AADK kepada aspek psiko-sosial klien (ketahanan diri dan keyakinan diri)
- 2 Menganalisa kesan NBOS3 AADK kepada sikap dan budaya kerja klien AADK.
- 3 Meneroka pengalaman dan cabaran dari segi psiko-sosial, persekitaran kerja dan tuntutan kerja yang dihadapi klien untuk terus terlibat dalam projek NBOS 3AADK.
- 4 Menilai persepsi pelaksana terhadap kebolehan dan kemampuan klien untuk menyempurnakan tugas.

## METODOLOGI

### PENDEKATAN CAMPURAN (kualitatif & kuantitatif)



#### KAEDAH KUANTITATIF

(Objektif 1 dan 2):  
Survei

Perbezaan dikenalpasti dengan menggunakan Ujian T (N=78).

#### KAEDAH KUALITATIF

(Objektif 3 dan 4):  
FGD dan *In Depth Interview*

Dua kumpulan sasaran :  
Klien AADK dan pelaksana projek NBOS3  
Soalan yang berbeza diberi kepada dua kumpulan sasaran ini.

## HASIL KAJIAN KUANTITATIF

### OBJEKTIF 1 & 2

Terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek keyakinan diri dan ketahanan diri klien sebelum dan selepas klien menjalani program NBOS3 AADK.

Terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek sikap terhadap kerja dan budaya kerja klien sebelum dan selepas klien menjalani program NBOS3 AADK.

Projek NBOS3 AADK berpotensi untuk dikembangkan dalam program rawatan klien.

Projek pertanian bertindak sebagai terapi yang boleh meningkatkan motivasi klien untuk bekerja dan belajar perkara baharu.

## IMPLIKASI

Kemahiran pegawai yang terlibat, peralatan, aspek keselamatan, latihan, dan kerjasama perlu ditambahbaik.

Projek NBOS3 AADK boleh membentuk sikap positif terhadap pekerjaan dan membina budaya kerja proaktif

## KESIMPULAN

1) Terapi kerja adalah bersesuaian untuk membantu kepulihan klien semasa dalam rawatan.

2) Klien mempamerkan potensi yang baik untuk melaksanakan projek pertanian di dalam dan di luar program rawatan.

3) Pelaksanaan projek NBOS3 AADK tersebut boleh mencapai matlamatnya melalui kerjasama antara pelbagai pihak seperti klien, pelaksana dan pihak atasan AADK



Dr. Siti Marziah binti Zakaria  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
+60 13-209 7080  
marziah@ukm.edu.my